



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN eWALLET BOOST@MBSP**

### **OLEH**

**YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L  
KARPAL SINGH**

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU  
PINANG MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA  
PERUMAHAN, KERJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN  
BANDAR & DESA**

**TARIKH / MASA / TEMPAT  
21 NOVEMBER 2020 (SABTU)  
9.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan  
Perancangan Bandar & Desa

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani binti Haji Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Mulia Puan Ungku Norliza Syazwan Binti Ungku Halmie**

Pengarah Produk dan Pemasaran

Boost

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

**Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,**

**Selamat pagi dan salam sejahtera,**

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran *eWallet Boost@MBSP*.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi hadir dan seterusnya merasmikan program kita pada pagi ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta semua yang turut hadir kerana sudi melapangkan masa, memeriahkan suasana bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi yang barakah ini. Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Mulia Puan Ungku Norliza Syazwan Binti Ungku Halmie, Pengarah Produk dan Pemasaran Boost dan pasukan beliau daripada Pemasaran Boost serta Jabatan Perbendaharaan MBSP

yang telah memberi komitmen padu dalam menjayakan program e-Wallet *Boost@MBSP* pada hari ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Pada tanggal 16 September 2019, Pulau Pinang menempah satu sejarah baru apabila Seberang Perai dinaik taraf menjadi bandar raya, seterusnya menjadikan Negeri Pulau Pinang satu-satunya *city state* di Malaysia di mana setiap inci tanahnya ditadbir oleh Bandar Raya. Dengan status bandaraya ini, MBSP terus melaksanakan pelbagai perubahan di mana proses dan mekanisme kerja yang lapuk, tidak efisyen dan terdapat permasalahan serta birokrasi ditambahbaik dan dihapuskan dengan menggunakan kreativiti dan inovasi selari dengan *Industry 4.0*. MBSP berusaha untuk menambah baik cara kerja sedia ada dengan menggunakan teknologi bagi merealisasikan aspirasi Bandar masa hadapan iaitu *Smart Sustainable City*. Ianya adalah selaras dengan wawasan Penang2030 iaitu “**A Family Focused Green and Smart State That Inspires the Nation**” (*Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara*).

Justeru, dalam meneruskan agenda transformasi digital Negeri Pulau Pinang, MBSP juga telah mengambil langkah proaktif bermula dengan **inisiatif pembayaran tanpa tunai, diikuti kerjasama pintar eWallet Boost@ MBSP yang akan dilancarkan sebentar lagi, yang merupakan integrated eWallet yang pertama di Malaysia dan seterusnya kerjasama pintar tahun 2021 MBSP dan Boost akan membangunkan Digital Bank.** Saya yakin agenda transformasi amat relevant dalam memutuskan rantai Pandemik COVID-19, memandangkan pembayaran tanpa tunai lebih mudah dan lebih selamat.

Transformasi Digital MBSP ke arah transaksi tanpa tunai telah menampakkan kejayaan dari tahun ke tahun dan diterima oleh rakyat Seberang Perai. Transaksi tanpa tunai telah meningkat daripada 61.75% pada tahun 2019 kepada 71.43% pada tahun 2020 (sehingga 5 Oktober 2020).

MBSP telah membangunkan MBSPPay yang dipaparkan di *cyber counter* sebagai payment gateway dan *one stop payment centre* di mana pengguna boleh melakukan pelbagai jenis pembayaran bil-bil MBSP secara atas talian seperti cukai taksiran, sewaan gerai / tapak, kompaun letak kenderaan, kompaun halangan, kompaun pelesenan, kompaun bangunan,

kompaun perbandaran, kompaun kesihatan dan kompaun veterinar dengan hanya satu transaksi sahaja. Pembayaran dibuat melalui penggunaan kad kredit dan kad debit; e-Pembayaran melalui FPX/Kad Kredit; QR Bill bagi tujuan imbas dan bayar.

Tujuan pembangunan MBSPPay ianya dapat mengurangkan kebergantungan dan kesesakan di kaunter MBSP. MBSPPay dapat menjimatkan masa dan boleh dilakukan di mana-mana sahaja pada bila-bila masa.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Agenda Transformasi Digital diperluaskan dengan penggunaan teknologi *eWallet*. Malahan team inovasi Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Seberang Perai bersama Boost berjaya membangunkan *Integrated eWallet* yang pertama di Malaysia. Perkhidmatan *eWallet*, Boost@MBSP, menawarkan pembayaran bil-bil MBSP menggunakan *eWallet Boost*. Menerusi kerjasama ini, warga Seberang Perai kini boleh membayar cukai taksiran, kompaun letak kereta dan sewa gerai kepada MBSP dengan mudah dan selamat hanya dengan tiga (3) langkah.

MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat melalui *institutional reform*, ekonomi sirkular dan ekonomi digital supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati faedahnya serta menyelesaikan masalah yang mereka hadapi pada ketika ini. Justeru Plan Ekonomi Digital Seberang Perai 2021 menumpukan kepada usaha-usaha kebolehsampaian dana (*accessible to funding*) kepada gulungan peniaga kecil, peniaga tepi jalan, peniaga pasar malam, peniaga pasar awam, peniaga atas talian dirumah melalui Digital Bank, kerjasama pintar MBSP dan Boost yang sedang dibincangkan secara *serious*. Digital Bank akan menyediakan pinjaman tidak melebihi RM10,000.00, tanpa penjamin dengan syarat mereka adalah pemegang lesen penjaja MBSP dan mempunyai akaun *eWallet* dengan Boost. MBSP mahu membuktikan bahawa MBSP bukanlah agensi yang rakus dengan penguatkuasaan, sebaliknya MBSP sentiasa mencari penyelesaian kepada masalah rakyat disamping menjalankan penguatkuasaan berhemah.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis Pelancaran *e-Wallet Boost@MBSP*. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang

Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi merasmikan pelancaran *e-Wallet Boost@MBSP*, serta Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBSP yang hadir memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini. Saya berdoa dan berharap agar rakyat Seberang Perai akan hidup aman, makmur, sejahtera dan menjadi masyarakat pintar yang menghuni Bandar Pintar. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.**